



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

12 Oktober 2016

**KENYATAAN MEDIA DATO' HASAN BIN ARIFIN,
PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN.**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen akan membentangkan 10 Laporan PAC di Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas 2016 pada Oktober ini.
- 2) Semua laporan PAC Parlimen berkenaan sudah dimuktamadkan Jawatankuasa ini yang bermesyuarat antara bulan Ogos, September dan Oktober 2016.
- 3) Laporan PAC yang akan dibentangkan adalah:
 - a) Isu Penyelewengan dan Penyaludupan Diesel bersubsidi membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
 - b) Pengurusan Lesen Iklan / Papan Tanda di Kuala Lumpur membabitkan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
 - c) Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital membabitkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia.
 - d) Program Subsidi Benih Padi Sah membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
 - e) Projek Pengalihan Operasi Kereta Api Tanah Melayu Berhad Dari Tanjung Pagar ke Woodlands, Singapura (Stesen) dan Kempas baru (Depoh), Johor Bahru membabitkan Kementerian Pengangkutan.
 - f) Pembinaan dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur membabitkan Kementerian Pertahanan.

- g) Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor membabitkan Kementerian Dalam Negeri.
 - h) Pengurusan Pengendalian Acara membabitkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.
 - i) Pengurusan Program 1Azam membabitkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Yayasan Kebajikan Negara.
 - j) Pengurusan Perkhidmatan 1BestariNet membabitkan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 4) PAC Parlimen komited untuk terus memastikan wang rakyat dibelanjakan secara berhemah dengan setiap projek kerajaan benar-benar memberikan nilai terbaik kepada rakyat.
- 5) PAC Parlimen juga mahu memastikan setiap projek kerajaan bebas daripada amalan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan serta pemborosan demi kepentingan rakyat secara keseluruhan selaras kedudukannya sebagai Jawatankuasa di bawah Parlimen yang menjadi cabang penggubal undang-undang tertinggi negara.

Yang Berhormat Dato' Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia